

Kajian Tahap Pengetahuan, Kesedaran dan Amalan Plagiarisme di Kalangan Pelajar Semester 1 DPB dan DUB Di POLIMAS

Muhamad Syamsul Che Su^{1*} dan Asmawati Mohd Yusop¹

*Jabatan Kejuruteraan Awam, Politeknik Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah, Bandar Darul Aman, Jitra,
Kedah Darul Aman*

ABSTRAK

Isu plagiarisme merupakan suatu masalah yang di hadapi di seluruh dunia dalam pelbagai lapangan. Bidang pendidikan tidak terkecuali menerima kesan daripada isu tersebut. Hasil perkembangan kemajuan teknologi ianya turut memberi cabaran dalam bidang pendidikan dengan pelbagai kaedah plagiarisme turut berlaku. Politeknik Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah (POLIMAS), merupakan sebuah intitusi pendidikan yang merupakan tempat penyedia latihan bagi melatih modal insan bagi memenuhi keperluan industri. Tahun 2020 telah mengubah landskap pendidikan di Malaysia dengan sesi Pengajaran dan Pembelajaran perlu di sesuaikan dengan pandemik yang berlaku dimana sistem pembelajaran secara dalam talian merupakan suatu kaedah yang diterapkan dalam melaksanakan sesi perkuliahan. Oleh itu, satu kajian telah dilaksanakan terhadap pelajar Diploma di Jabatan Kejuruteraan Awam dengan 65 orang responden pelajar semester satu terlibat dalam kajian ini. Tujuan kajian ini adalah untuk mengenal pasti tahap pengetahuan, kesedaran dan amalan plagiarisme di kalangan pelajar. Hasil dapatan menunjukkan tahap pengetahuan dan kesedaran pelajar berada pada tahap tinggi. Manakala hasil kajian mendapati tahap amalan plagiarisme di kalangan pelajar berada pada tahap sederhana rendah. Ini menunjukkan pelajar semester satu berada di landasan tepat untuk mencapai tahap rendah amalan plagiarisme. Kajian ini di harap dapat membantu dan memberi rujukan penanda aras kepada ahli akademik dalam melahirkan modal insan yang berkualiti.

PENGENALAN

Politeknik Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah (POLIMAS) merupakan Institusi Pendidikan Tinggi Awam yang bernaung di bawah Jabatan Pengajian Politeknik dan Kolej Komuniti, Kementerian Pengajian Tinggi (KPT). POLIMAS mula beroperasi pada 1984 dengan jumlah kemasukan pelajar seramai 120 orang. Sehingga kini enrolmen kemasukan pelajar adalah seramai hampir 6000 orang dengan jumlah bilangan staf seramai 600 orang. Terdapat beberapa Jabatan berkaitan akademik di POLIMAS antaranya ialah Jabatan Kejuruteraan Awam, Elektrikal, Mekanikal, Teknologi Maklumat dan Komunikasi serta Jabatan Perdagangan. Jabatan Kejuruteraan Awam (JKA) menawarkan lima jenis kursus di peringkat diploma dalam bidang Kejuruteraan Awam, Kejuruteraan Perkhidmatan Bangunan, Perancangan Bandar dan Wilayah, serta bidang Ukur Bahan. Proses pengajaran dan pembelajaran di JKA menggabungkan kaedah pengajaran secara teori dan amali. Pada tahun 2020, seluruh dunia telah dikejutkan dengan satu serangan virus Covid-19 yang memberi kesan kepada sektor awam dan swasta termasuk di Malaysia. Akibat daripada serangan virus Covid-19, Majlis Keselamatan Negara telah melaksanakan arahan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) di seluruh Malaysia bagi mengekang penularan virus Covid-19. Arahan-arahan di dalam Perintah Kawalan Pergerakan termasuklah penutupan semua premis kerajaan dan swasta kecuali yang terlibat dengan perkhidmatan penting negara (*essential services*) (Majlis Keselamatan Negara, 2020).

PKP ini turut memberi kesan kepada Institusi Pendidikan termasuklah Politeknik dan Kolej Komuniti. Peristiwa ini turut memberi kesan kepada sesi kemasukan pelajar bagi sesi Jun 2020 dimana sesi pembelajaran di laksanakan secara online melalui norma baharu iaitu pembelajaran secara atas talian. Pelajar Jabatan Kejuruteraan Awam, Politeknik Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah turut sama perlu menyesuaikan diri dengan kaedah pembelajaran secara atas talian. Aktiviti ini turut memberi kesan kepada kaedah capaian bahan rujukan tambahan daripada secara fizikal kepada pencarian maklumat secara dalam laman web dalam menyiapkan tugas dan sesi medium perhubungan dan perbincangan antara pensyarah dan pelajar adalah melalui media masa seperti *Telegram*, *Whatsapp*, *Microsoft Team*, *Googlemeet* dan sebagainya. Kemajuan perkembangan teknologi juga turut memberi kesan kepada plagiarisme. Menurut Ruhaiza dan Hanisah (2015), jika dulu sumber bagi memplagiati hasil atau karya orang lain agak sukar dilakukan kerana perlu membaca dan menyalin bahan penulisan, kini kehadiran teknologi maklumat yang '*super*' maju menjadikan kegiatan penipuan itu makin mudah dan berleluasa dilakukan. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk mengkaji tahap kesedaran plagiarisme di kalangan pelajar dan di fokuskan kepada Jabatan Kejuruteraan Awam dengan skop kajian menfokuskan kepada pelajar semester 1 Diploma Perkhidmatan Bangunan dan Diploma Ukur Bahan.

Latar Belakang Masalah

Isu plagiarisme merupakan isu yang dihadapi seluruh dunia sejak dari dahulu lagi. Menurut Harlinda, Ainur dan Vebryanti (2020), berdasarkan sejarah, tindakan plagiarisme bermula sejak sistem tulisan diperkenalkan. Sebelum bermulanya sistem tulisan, manusia berkomunikasi dengan bahasa lisan atau tradisi mendengar. Seterusnya melalui sastera lisan yang tidak diketahui penulis asalnya berkembang daripada mulut ke mulut seterusnya ianya dicetak. Kemudian dari kegiatan percetakan inilah berkembangnya plagiarisme iaitu dengan mengambil petikan-petikan tulisan daripada orang lain untuk melengkapinya karya seseorang individu itu. Seterusnya kegiatan ini terus berleluasa selaras dengan perkembangan teknologi seperti internet, media sosial dan sebagainya. Plagiarisme dalam dunia pendidikan semakin mencabar setelah bermulanya '*World Wide Web*' dengan maklumat sangat mudah diperoleh melalui internet (Nazialita, 2017). Pembelajaran jarak jauh boleh diancam oleh masalah ketidaktelusan akademik yang dilakukan oleh para mahasiswa kerana transmisi ilmu secara maya (Elyn dan Azyati, 2019). Menurut Ramlan Mustapha et al. (2020), internet dan sumber daripada online adalah isu yang besar sehingga kini dan seluruh dunia yang menjadi penyumbang kepada ketidakjujuran akademik.

Dalam industri pendidikan, kesedaran ahli akademik sama ada pensyarah dan pelajar berkenaan kebarangkalian terlibat kegiatan plagiarisme adalah penting kerana ianya boleh berlaku sama ada disengajakan atau tidak. Berdasarkan kajian yang telah dilaksanakan oleh Ramlan Mustapha et al. (2016), berkenaan interpretasi pelajar terhadap plagiarisme mendapat tingkah laku berada pada tahap tinggi adalah menyalin beberapa perkataan daripada bahan rujukan tanpa menyatakan rujukannya dalam nota kaki dan membuat tugas bersama kawan sedangkan pensyarah menyuruh buat tugas individu. Manakala kajian ke atas pelajar pra siswazah oleh Wan Hanna Melini (2018), mendapat bahawa hampir 80 peratus para pelajar siswazah mempunyai kesedaran dan mengetahui implikasi aktiviti plagiatis, namun begitu mereka mengaku masih melakukan plagiatis dalam penulisan akademik. Hasil kajian Norizan dan Yusaini (2014), turut menyokong dengan berdasarkan maklum balas pensyarah didapati bahawa antara aktiviti plagiarisme pelajar adalah dalam penghasilan tugas dan penulisan laporan. Oleh itu, kajian ini dilaksanakan bagi mengukur tahap kesedaran plagiarisme di kalangan pelajar untuk memastikan graduan yang dihasilkan berkualiti.

Objektif Kajian

Objektif utama kajian yang di jalankan ini adalah untuk:-

- i. Mengenal pasti tahap pengetahuan pelajar terhadap plagiarisme.
- ii. Mengenal pasti tahap kesedaran pelajar terhadap plagiarisme.
- iii. Mengenal pasti tahap amalan pelajar berkaitan plagiarisme.

Persoalan Kajian

Kajian ini dilaksanakan bagi menjawab persoalan berikut:-

- i. Sejauh manakah tahap pengetahuan pelajar terhadap plagiarisme?
- ii. Sejauh manakah tahap kesedaran pelajar terhadap plagiarisme?
- iii. Sejauh manakah tahap amalan pelajar berkaitan plagiarisme ?

Skop Kajian

Skop kajian merupakan suatu ruang lingkup atau kawasan penyelidikan yang menjadi keutamaan dalam fokus pengkaji. Dalam menjalankan kajian ini, skop kajian yang ditetapkan adalah mengkaji tahap kesedaran plagiarisme di Kalangan Pelajar Semester 1 Program Diploma Perkhidmatan Bangunan (DPB) dan Diploma Ukur Bahan (DUB) di Politeknik Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah

Kepentingan Kajian

Kepentingan kajian ini adalah untuk melihat sejauh mana tahap pengetahuan, kesedaran dan amalan pelajar semester 1 DPB dan DUB berkaitan plagiarisme. Kajian ini adalah penting kerana tingkah laku plagiarisme boleh berlaku sama ada secara sengaja atau tidak. Melalui kajian ini diharap dapat memberi manfaat kepada ahli akademik berkaitan plagiarisme dalam merangka strategi, program, teknik pengajaran dan pembelajaran atau latihan yang bersesuaian kepada ahli akademik (pelajar dan pensyarah).

KAJIAN LITERATUR

Plagiarisme

Plagiarisme merupakan suatu isu moral yang telah lama berlaku sama ada dalam pelbagai lapangan termasuklah dalam bidang pendidikan. Plagiarisme merupakan suatu kelakuan yang mengarah kepada menciplak dan melanggar hak moral seseorang pengarang. Ruhaiza dan Hanisah (2015), berpendapat plagiarisme adalah salah laku yang dipertimbangkan sebagai bersikap tidak beretika dan tidak bermoral tanpa mengira siapa yang melakukannya. Berdasarkan sejarah kegiatan plagiarisme bermula apabila munculnya kegiatan percetakan (Harlinda, Ainur dan Vebryanti, 2020). Kehadiran teknologi maklumat yang 'super' maju menjadikan kegiatan penipuan itu makin mudah dan berleluasa dilakukan dengan hanya menggunakan komputer atau telefon pintar, hasil karya orang lain boleh dirompak dengan mudah secara salin dan tampal (Ruhaiza dan Hanisah, 2015). Ramlan Mustapha et al. (2016), menyatakan pengaruh internet dan sumber-sumber baru medium pengajaran berdasarkan elektronik telah memberi impak yang besar kepada masalah plagiarisme.

Menurut Kamus Dewan (2005), plagiarisme ditakrifkan sebagai perbuatan mencedok kata-kata, idea dan menggunakan sebagai karyanya sendiri daripada orang lain. Menurut Gert Helgesson dan Stefan Eriksson (2014), plagiarisme adalah mengambil dan mengguna bahan kepunyaan

orang lain tanpa memberi penghargaan. Antara contoh jenis plagiarisme yang berlaku adalah seperti meniru hasil kerja pelajar lain tanpa kebenaran, meminta bantuan rakan untuk menyediakan tugas, memetik maklumat dan membeli suatu kertas kerja daripada seseorang yang menyediakan perkhidmatan. Oleh itu adalah penting untuk seseorang pelajar mendapat pendedahan berkenaan plagiarisme. Menurut Nur Cahyati Wahyuni (2018), kaedah yang terbaik untuk menghindarkan plagiarisme ialah dengan memberi pengetahuan kepada mahasiswa berkenaan penulisan literasi. Manakala menurut Harlinda, Ainur dan Vebrayanti, (2020), usaha untuk mencegah dan mengatasi isu plagiarisme hendaklah di lakukan secara berterusan bagi mengelakkan ianya berulang.

METODOLOGI

Reka Bentuk Kajian

Reka bentuk kajian adalah sebagai panduan kepada pengkaji dalam mendapatkan data dan maklumat. Kaedah kajian yang dijalankan adalah berbentuk kuantitatif. Data-data mengenai persoalan kajian diperoleh melalui instrumen borang soal selidik. Borang soal selidik digunakan dalam kajian ini kerana faktor masa serta kaedah analisis data lebih mudah dilakukan. Borang soal selidik ini dibahagikan kepada tiga bahagian soalan iaitu Bahagian A mengenai maklumat demografi, Bahagian B tahap pengetahuan pelajar tentang plagiarisme, Bahagian C tahap kesedaran pelajar tentang plagiarisme dan Bahagian D tahap amalan pelajar berkaitan plagiarisme.

Maklumat Responden

Responden kajian ini adalah terdiri daripada pelajar semester 1 sesi Jun 2020 dari Program Diploma Perkhidmatan Bangunan dan Ukur Bahan dari Jabatan Kejuruteraan Awam, Politeknik Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah, Kedah. Sebanyak 65 borang soal selidik berbentuk '*Googleforms*' telah diedarkan secara dalam talian kepada responden. Pelajar semester satu dipilih dalam kajian ini kerana mereka merupakan pelajar baharu dan pada masa sama mengikuti pengajaran dan pembelajaran secara dalam talian.

Instrumen Kajian

Instrumen kajian yang digunakan adalah borang soal selidik. Antara langkah yang dijalankan ialah pemilihan responden, pengutipan data dan penganalisaan data. Untuk tujuan analisis data, kajian ini akan dinilai menggunakan *Skala Likert 4* pemeringkatan bermula dengan "skala 1" sangat tidak setuju hingga "skala 4" iaitu sangat setuju. Item soal selidik diadaptasi dan disesuaikan daripada kajian Melati dan Arman (2014), mengenai kajian tahap pengetahuan, kesedaran dan amalan pelajar berkaitan plagiarisme.

ANALISIS DATA

Hasil dapatan dianalisis menggunakan perisian *Statistical Package for the Social Science* (SPSS). Hasil analisis adalah dalam bentuk peratus dan min yang dipersembah dalam bentuk jadual. Nilai purata min akan dianalisis dan dibandingkan. Hasil analisis kebolehpercayaan item soalan, nilai yang diperoleh adalah 0.83 dan ia menunjukkan soal selidik ini sah dan boleh dipercayai.

Skala tahap skor min diadaptasi dari kajian Nurul Ain dan Razzatul Iza (2018), di mana julat min skor adalah 3.01 hingga 4.00 adalah tahap penilaian tinggi, 2.01 hingga 3.00 tahap nilai sederhana dan 1.00 hingga 2.00 tahap nilai adalah rendah.

ANALISIS DAN KEPUTUSAN

Dapatan kajian dibahagikan kepada empat bahagian iaitu (1) demografi responden, (2) tahap pengetahuan pelajar tentang plagiarisme, (3) tahap kesedaran pelajar tentang plagiarisme dan (4) tahap amalan pelajar berkaitan plagiarisme.

Bahagian A: Analisis Data Demografi

Jadual 1 Data Demografi Responden

| Profil Demografi | Kategori | Kekerapan | Peratus (%) |
|------------------|-----------|-----------|-------------|
| Program | DPB | 44 | 67.7 |
| | DUB | 21 | 32.3 |
| Jantina | Lelaki | 28 | 43.1 |
| | Perempuan | 37 | 56.9 |
| Bangsa | Melayu | 57 | 87.7 |
| | India | 5 | 7.7 |
| | Cina | 3 | 4.6 |

Berdasarkan jadual 1, hasil analisis data demografi mendapati 43.1 peratus responden adalah lelaki dan 56.9 peratus adalah wanita. Manakala darisegi bangsa 87.7 peratus adalah pelajar berbangsa Melayu, 7.7 peratus adalah India dan 4.6 peratus adalah Cina.

Bahagian B: Tahap Pengetahuan Pelajar Tentang Plagiarisme

Hasil data dianalisis bagi mengenal pasti tahap pengetahuan pelajar tentang plagiarisme.

Jadual 2 Pengetahuan Pelajar Tentang Plagiarisme

| No. | Item | Min | Rank |
|-------------------|---|-------------|------|
| 1 | Plagiarisme merupakan satu jenayah akademik. | 3.28 | 3 |
| 2 | Budaya <i>copy & paste</i> dan menggunakan sebagai karya sendiri adalah plagiarisme. | 3.20 | 5 |
| 3 | Menciplak atau menduplikasi hasil karya orang lain tanpa izin adalah plagiarisme. | 3.43 | 1 |
| 4 | Memuat turun, menggunakan dan mengedarkan hasil karya orang lain tanpa izin adalah plagiarisme. | 3.34 | 2 |
| 5 | Menyalin hasil karya orang lain tanpa menyatakan sumber rujukan adalah plagiarisme. | 3.19 | 6 |
| 6 | Terdapat kewujudan perisian yang dapat mengesan plagiarisme. | 3.19 | 6 |
| 7 | Terdapat hukuman tatatertib oleh institusi yang diperuntukkan untuk kesalahan plagiarisme. | 3.23 | 4 |
| 8 | Menulis sumber rujukan atau memberi penghargaan kepada pengarang asal adalah tidak penting dalam penghasilan tugas. | 2.68 | 7 |
| PURATA MIN | | 3.19 | |

Berdasarkan jadual 2 menunjukkan hasil analisis 8 item soalan berkenaan pengetahuan pelajar tentang plagiarisme. Nilai purata min pengetahuan pelajar tentang plagiarisme adalah 3.19 dan ianya berada pada tahap tinggi. Item memperoleh nilai min tertinggi adalah item 3 iaitu menciplak atau menduplikasi hasil karya orang lain tanpa izin adalah plagiarisme.

Bahagian C: Tahap kesedaran pelajar tentang plagiarisme

Jadual 3 Kesedaran Pelajar Tentang Plagiarisme

| No. | Item | Min | Rank |
|---------------|---|-------------|------|
| 1 | Plagiarisme berlaku apabila seseorang kekeringan idea untuk menyiapkan tugas yang diberikan. | 3.26 | 3 |
| 2 | Plagiarisme berlaku apabila seseorang kurang persediaan dalam menyiapkan tugas. | 3.25 | 4 |
| 3 | Plagiarisme berlaku bermula daripada sifat seseorang yang suka meniru tanpa usaha sendiri. | 3.29 | 2 |
| 4 | Plagiarisme berlaku apabila pelajar kurang mahir mencari maklumat untuk menyiapkan tugas. | 3.15 | 5 |
| 5 | Amalan plagiarism akan memberi kesan negatif pada diri saya dalam meningkatkan pencapaian akademik. | 3.31 | 1 |
| 6 | Isu plagiarisme sering diwarkan-warkan oleh pensyarah. | 3.12 | 6 |
| PURATA | | 3.23 | |

Berdasarkan jadual 3, purata nilai skor min bagi kesedaran pelajar tentang plagiarisme adalah 3.23 iaitu berada tahap tinggi. Berdasarkan 6 item soalan mendapat tahap kesedaran yang paling tinggi adalah “amalan plagiarism akan memberi kesan negatif pada diri saya dalam meningkatkan mutu dan prestasi pencapaian akademik”.

Bahagian D: Tahap Amalan Pelajar Berkaitan Plagiarisme

Jadual 4 Tahap Amalan Pelajar Berkaitan Plagiarisme

| No. | Item | Min | Rank |
|---------------|---|-------------|------|
| 1 | Saya mengambil hasil kerja orang lain sebagai hasil kerja sendiri. | 1.91 | 9 |
| 2 | Saya mengubah hasil kerja orang lain sebagai hasil kerja sendiri. | 2.18 | 5 |
| 3 | Saya menyalin beberapa perkataan atau idea daripada sumber rujukan sehingga menjadi sebahagian besar hasil kerja sendiri tanpa menyatakan sumber rujukan. | 2.23 | 4 |
| 4 | Saya mengambil ayat-ayat dari laman web dan menggunakananya sebagai hasil kerja sendiri. | 2.45 | 1 |
| 5 | Saya menyiapkan tugas secara berkumpulan walaupun arahan secara individu. | 2.12 | 6 |
| 6 | Saya membenarkan rakan saya menyalin hasil tugas saya. | 2.02 | 8 |
| 7 | Saya menyiapkan tugas untuk rakan sekelas saya. | 1.85 | 10 |
| 8 | Saya menyalin tugas daripada rakan sekelas. | 2.03 | 7 |
| 9 | Sukar menyiapkan tugas dalam bahasa inggeris menyebabkan saya <i>copy & paste</i> ayat-ayat daripada laman web dan menggunakananya sebagai hasil kerja sendiri. | 2.43 | 2 |
| 10 | Menyiapkan tugas pada saat akhir menyebabkan saya <i>copy & paste</i> ayat-ayat daripada laman web dan menggunakananya sebagai hasil kerja sendiri. | 2.34 | 3 |
| PURATA | | 2.16 | |

Berdasarkan jadual 4, purata nilai skor min bagi tahap amalan pelajar berkaitan plagiarisme adalah 2.16 iaitu berada pada tahap sederhana. Berdasarkan 10 item soalan mendapati tahap amalan yang memperoleh rank min tertinggi adalah “saya mengambil ayat-ayat dari laman web dan menggunakan sebagai hasil kerja sendiri”.

PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN

Perbincangan

Soalan Kajian 1: Sejauh manakah tahap pengetahuan pelajar terhadap plagiarisme?

Berdasarkan jadual 2 nilai min purata tahap pengetahuan pelajar terhadap plagiarisme berada pada tahap tinggi. Ini menunjukkan bahawa secara keseluruhan pelajar diploma DPB dan DUB tahu berkenaan plagiarisme. Hasil dapatan tidak selari dengan Melati dan Arman (2014), yang mendapati tahap pengetahuan pelajar peringkat sijil berada pada tahap sederhana. Manakala hasil kajian Wan Hanna Melini et al. (2018), ke atas pelajar prasiswazah mendapati bahawa pelajar tahun 1 memperoleh peratusan tahap pengetahuan plagiat paling rendah dan tahap pengetahuan tersebut meningkat berkadar dengan tahun pengajian. Hasil analisis mendapati bahawa soalan item 3 memperoleh skor min tertinggi iaitu pelajar tahu bahawa menciplak atau menduplikasi hasil karya orang lain tanpa izin adalah plagiarisme dan hasil dapatan selari dengan dapatan Melati dan Arman (2014) serta Norizan dan Yusaini (2014). Manakala item 8 memperoleh *rank* terendah iaitu menulis sumber rujukan atau memberi penghargaan kepada pengarang asal adalah tidak penting dalam penghasilan tugas dan hasil dapatan selari dengan Wan Hanna Melini et al.(2018).

Soalan Kajian 2: Sejauh manakah tahap kesedaran pelajar terhadap plagiarisme?

Berdasarkan jadual 3, purata nilai skor min bagi tahap kesedaran pelajar tentang plagiarisme adalah berada tahap tinggi. Hasil dapatan selari dengan Melati dan Arman (2014), yang mendapati tahap kesedaran pelajar Kolej Komuniti berada pada tahap tinggi. Dapatan Elyn dan Azyati (2019), turut senada dengan hasil kajian menunjukkan pelajar dari Politeknik dan Kolej Komuniti Malaysia mempunyai tahap kesedaran integriti akademik yang tinggi. Kajian Wan Hanna Melini et al. (2018), turut mendapati bahawa pelajar tahun akhir secara amnya mempunyai kesedaran tinggi mengenai plagiat. Item rank skor min kesedaran yang paling tinggi adalah pelajar sedar bahawa amalan plagiarisme akan memberi kesan negatif dalam meningkatkan pencapaian akademik.

Soalan Kajian 3: Sejauh manakah tahap amalan pelajar berkaitan plagiarisme ?

Berdasarkan jadual 4, tahap amalan pelajar berkaitan plagiarisme adalah berada pada tahap sederhana dengan nilai min purata 2.16. Hasil dapatan menunjukkan bahawa pelajar berada di landasan tepat untuk mencapai tahap rendah. Hasil dapatan selari dengan Melati dan Arman (2014) dan Ramlan Mustapha et al. (2020), yang mendapati tahap amalan pelajar berada pada tahap sederhana. Berdasarkan 10 item soalan didapati tahap amalan yang memperoleh nilai min tertinggi dan berada pada tahap sederhana adalah item ke 4 iaitu “saya mengambil ayat-ayat dari laman web dan menggunakan sebagai hasil kerja sendiri”. Rank min item tertinggi yang diperoleh selari dengan hasil dapatan Melati dan Arman (2014), walau bagaimanapun nilai tahap item yang diperoleh mereka berada pada tahap tinggi. Hasil dapatan turut tidak selari dengan Ramlan Mustapha et al. (2020) yang memperoleh tahap tinggi pada item tersebut.

KESIMPULAN

Secara keseluruhnya hasil kajian menunjukkan bahawa tahap pengetahuan pelajar semester satu berkenaan plagiarisme berada pada tahap tinggi. Ini menunjukkan bahawa para pelajar telah mendapat pengalaman awal berkaitan plagiarisme dalam aktiviti penilaian berterusan. Walau bagaimanapun, hasil dapatan mendapat bahawa pelajar perlu didedahkan dengan kepentingan memberi penghargaan kepada pengarang asal dalam mengambil sesuatu maklumat dalam penghasilan tugas. Dari segi kesedaran plagiarisme mendapat bahawa pelajar tahu akan kesan daripada aktiviti plagiarisme. Pelajar sedar bahawa aktiviti plagiarisme akan memberi kesan negatif dalam pencapaian akademik. Manakala dari segi tahap amalan pelajar berkaitan plagiarisme mendapat ianya berada pada tahap sederhana dan berada pada landasan tepat dalam menghasilkan pelajar rendah tahapnya amalan plagiarisme. Oleh itu adalah menjadi peranan pensyarah untuk memastikan pelajar berada di landasan yang tepat dalam memastikan tahap amalan plagiarisme sentiasa kekal berada pada tahap rendah. Antara perkara yang boleh dilakukan oleh pensyarah dalam aspek penilaian adalah dengan menggalakkan pelajar memberi penghargaan kepada penulis asal dalam menghasilkan sesuatu tugas. Melalui kajian ini diharap dapat memberi manfaat kepada ahli akademik berkaitan plagiarisme dalam merangka strategi, program, teknik pengajaran dan pembelajaran atau latihan yang bersesuaian kepada ahli akademik (pelajar dan pensyarah).

CADANGAN

Bagi tujuan kajian lanjutan, pengkaji mencadangkan beberapa cadangan untuk menambah hasil dapatan. Antara cadangan adalah seperti berikut:

1. Skop kajian dikembangkan dengan mengambil data responden antara jabatan bagi melaksanakan kajian perbandingan.
2. Kajian perbandingan dalam program dilaksanakan bagi pelajar semester awal dan akhir bagi mengenalpasti tahap perbezaan.
3. Melaksanakan kajian lanjutan antara politeknik lain bagi mendapat data perbandingan antara kedua-dua politeknik atau program.

RUJUKAN

- [1] Elyn binti Mohd Ridzwa dan Azyati Biti Mohd Agos. (2019). Kesedaran Integriti Akademik Di Era Big Data Di Kalangan Pelajar Politeknik Dan Kolej Komuniti Malaysia. *International Conference On Global Education VII-Humanising Technology For IR 4.0*. 304.
- [2] Gert Helgesson dan Stefan Eriksson. (2014). Plagiarism in research. Medicine Health Care and Philosophy.
- [3] Harlinda Syofyan, Ainur Rosyid dan Vebrayanti (2020). Hasil Identifikasi Pemindaian Uji Kesamaan Skripsi Mahasiswa. *Eduscience : Jurnal Ilmu Pendidikan*.
- [4] Kamus Dewan. (2005). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- [5] Nazialita Geynna Maharan. (2017). Plagiarisme Satu Jenayah Akademik –Sultan Nazrin. Astro Awani. 160657 2.
- [6] Norizan Binti Md Isa dan Mohd Yusaini Bin Mohamed Ali. (2014). Kajian Tentang Persepsi Pensyarah Terhadap Budaya Plagiarisme Di Kalangan Pelajar PTSB. *Conference Competition Exhibition: Politeknik Seberang Perai*.
- [7] Norizan Binti Md Isa dan Syajaratul Dur Binti Ramli. (2019). Kesedaran Pensyarah Terhadap Plagiarisme Dalam Kalangan Pelajar. *International Conference On Global Education Vii-Humanising Technology For Ir 4.0*. 371.
- [8] Nurul Ain Binti Azmi dan Razzatul Iza Zurita Binti Rasalli. (2018). Kesediaan Penggunaan Massive Open Online Courses (MOOC) Dalam Kalangan Pelajar Sijil Pengoperasian

Perniagaan, Kolej Komuniti Ledang.*International Conference On Global Education VI (ICGE VI).*

- [9] Nur Cahyati Wahyuni. (2018). Ketika Plagiarisme Adalah Suatu Permasalahan Etika. *Record and Library Journal*. 4(1).
- [10] Melati Bin Sabtu dan Ahmad Arman Bin Nor Anuar. (2014). Tahap Pengetahuan, Kesedaran dan Amalan Pelajar Berkaitan Plagiarisme: Satu Kajian Di Kolej Komuniti Temerloh: Seminar Kebangsaan Hal Ehwal Pelajar Kolej Komuniti. Kolej Komuniti Temerloh.
- [11] Ramlan Mustapha, Zaharah Husin Dan Saedah Siraj. (2016). Ketidakjujuran Akademik Dalam Kalangan Mahasiswa Muslim Di Malaysia: Analisis Perbandingan Tahun 2014-2015. *Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik Januari 2016*, 4(1).
- [12] Ramlan Mustapha, Zuraidah Abdullah, Maziah Mahmud, Siti Norma Aisyah Malkan, Asjad dan Mohamed. (2020). Academic Dishonesty in Current Years Comparison (2018 to 2020): *The Malaysian Higher Education Evidence. Solid State Technology*. 63(6).
- [13] Ruhaiza Rusmin dan Nor Hanisah Kamaruzaman. (2015). Plagiat Jejas profesionalisme.
- [14] Wan Hanna Melini Wan Mokhtar, A.J Amirul Aiman, Nur Azura Abdullah, Nur Izzi Md. Yusoff, Azrul Abdul Mutualib. (2018). Kesedaran Dan Kelakuan Pelajar Prasiswazah Terhadap Aktiviti Plagiat Dalam Penulisan Akademik. *Asean Journal of Teaching & Learning In Higher Education*. 10.